

PENGGUNAAN UBAT PREP KEPADA GOLONGAN HOMOSEKSUAL: SUATU ANALISIS BERDASARKAN FIQH AL-AULAWIYYAT

Nurhidayah binti Ramliⁱ Zizi Azlinda binti Mohd Yusofⁱⁱ Rafidah Hanim Mokhtarⁱⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden) Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 3241746@raudah.usi.edu.my

ⁱⁱFakulti Syariah dan Undang-undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), ziziazlinda@usim.edu.my

ⁱⁱⁱFakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), rafidahhanim@usim.edu.my

Abstrak

Penularan HIV/AIDS merupakan ancaman kesihatan awam yang serius, khususnya dalam kalangan individu yang mengamalkan hubungan sesama jenis (homoseksual). Sebagai langkah pencegahan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyediakan ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) kepada individu berisiko tinggi. Namun, timbul perdebatan mengenai kesesuaian pemberiannya kepada golongan homoseksual memandangkan perlakuan tersebut diharamkan dalam Islam. Kajian ini menganalisis aplikasi *Fiqh al-Aulawiyyat* dalam isu ini serta menilai kedudukan hukumnya menurut perspektif Islam. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen fiqh, fatwa dan laporan kesihatan, kajian mendapati bahawa meskipun PrEP berkesan dari sudut pencegahan, pemberiannya kepada pengamal homoseksual menimbulkan kebimbangan syariah. Penerapan prinsip *Fiqh al-Aulawiyyat* dan kaedah "*al-darar la yuzal bi al-darar*" menunjukkan bahawa pemberian PrEP boleh menyumbang kepada normalisasi perlakuan yang bercanggah dengan syariat. Kajian menyimpulkan bahawa dalam konteks tertentu, kemudaratan moral yang mungkin timbul melebihi manfaat fizikal yang diharapkan daripada pemberian PrEP.

Kata kunci: *Fiqh al-Aulawiyyat, PrEP, HIV/AIDS, Homoseksual.*

PENDAHULUAN

HIV merupakan singkatan bagi *Human Immunodeficiency Virus*, iaitu sejenis virus yang menyerang sistem imun tubuh manusia. Virus ini memasuki sel darah putih dan merosakkannya, sekali gus menyebabkan bilangan sel darah putih yang berfungsi sebagai pertahanan terhadap jangkitan semakin berkurangan. Akibatnya, sistem imun menjadi lemah dan individu yang dijangkiti mudah terdedah kepada pelbagai penyakit. Keadaan ini akhirnya dikenali sebagai AIDS (*Acquired Immunodeficiency Syndrome*) (Berliana & Cecen, 2020).

Manakala AIDS pula ialah singkatan bagi *Acquired Immuno Deficiency Syndrome*, iaitu kumpulan gejala penyakit (sindrom) yang diperoleh akibat penurunan kekebalan tubuh yang disebabkan oleh HIV. Apabila individu sudah tidak lagi mempunyai sistem kekebalan tubuh, semua penyakit dapat memasuki tubuh dengan mudah (jangkitan oportunistik). Oleh sebab itu, sistem kekebalan tubuh menjadi

sangat lemah, menyebabkan penyakit yang sebelum ini tidak berbahaya menjadi sangat berbahaya. (Berliana & Cecen, 2020).


Trend Kes Jangkitan HIV

Kajian menunjukkan bahawa kes jangkitan HIV dalam kalangan homoseksual semakin meningkat dan telah mengatasi jumlah jangkitan yang berpunca daripada perkongsian jarum suntikan dadah. Menurut laporan daripada KKM, 2024 pada peringkat awal penularan wabak HIV, penggunaan dadah secara suntikan merupakan punca utama jangkitan, merangkumi kira-kira 60 hingga 75 peratus daripada semua kes baharu yang dilaporkan. Walau bagaimanapun, prevalens kes dalam kalangan pengguna dadah suntikan mula menurun sejak tahun 2004. Manakala sejak tahun 2013, corak jangkitan HIV telah berubah apabila golongan lelaki yang melakukan hubungan sejenis MSM (*men who have sex with men*) mencatatkan jumlah jangkitan yang lebih tinggi berbanding punca lain.




Rajah 1: Trend HIV berdasarkan mod jangkitan di Malaysia, 2000-2021 (Ministry of Health Malaysia, 2020)

Di Malaysia, trend kes jangkitan baharu HIV menunjukkan peralihan daripada kumpulan pengguna dadah suntikan (PWID) kepada penularan melalui hubungan seksual, khususnya dalam kalangan lelaki yang melakukan hubungan sejenis (MSM). Dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, penularan melalui hubungan seksual telah menjadi mod utama jangkitan HIV. Berdasarkan unjuran Model Epidemik Asia (Asia Epidemic Model, AEM), kumpulan MSM dijangka menjadi penyumbang utama kepada kes HIV di Malaysia menjelang tahun 2030 (Laporan KKM, 2024).



Rajah 2: Trend jangkitan HIV mengikut populasi utama (unjuran menggunakan Model Epidemik Asia - AEM), Malaysia 1986–2030

Selaras dengan unjuran tersebut, Rajah 3 menunjukkan perubahan corak penularan HIV, di mana nisbah jangkitan melalui penggunaan jarum suntikan berbanding jangkitan melalui hubungan seksual telah menurun secara ketara — daripada 3.95 pada tahun 2000 kepada hanya 0.02 pada tahun 2023. Perubahan ini jelas menunjukkan bahawa penularan melalui hubungan seksual kini jauh lebih dominan berbanding penularan melalui perkongsian jarum (Laporan KKM, 2024).



Rajah 3: Trend jangkitan HIV mengikut kaedah penularan, Malaysia 2000–2023

Cara Penyebaran HIV

i. Penularan HIV Melalui Cecair Tubuh

Individu yang dijangkiti HIV membawa virus ini dalam cecair tubuh tertentu seperti darah, air mani, rembesan faraj dan susu ibu. Penularan HIV hanya berlaku apabila cecair tubuh yang mengandungi virus ini memasuki aliran darah individu lain. Kemasukan ini boleh berlaku melalui permukaan mukosa seperti lapisan faraj, rektum, mulut atau bukaan pada hujung zakar. Selain itu, penularan juga boleh berlaku melalui suntikan intravena yang melibatkan perkongsian jarum atau melalui

kawasan kulit yang luka atau mempunyai kudis. Secara umumnya, HIV disebarkan melalui beberapa cara utama:

Selain itu, menurut WHO (2013), HIV boleh berjangkit melalui pelbagai cara, antaranya termasuk hubungan seksual yang tidak selamat, pemindahan darah yang telah dijangkiti, perkongsian jarum, serta pemindahan daripada ibu kepada anak semasa dalam kandungan, semasa melahirkan, dan juga semasa menyusu. Di samping itu, bagi sesetengah individu yang terkena penyakit hiv ini adalah disebabkan daripada tingkah laku yang diharamkan dalam agama seperti pelacuran, seks rambang dan homoseksual (Treisman et al., 2014).

Menurut JAKIM, 2009 Hubungan seksual tanpa penggunaan kondom dengan individu yang dijangkiti HIV merupakan cara penularan yang paling biasa. Wanita lebih berisiko dijangkiti HIV melalui hubungan seks secara faraj berbanding lelaki, walaupun virus ini juga boleh disebarkan daripada wanita kepada lelaki.

Wanita hamil yang merasakan dirinya mungkin telah terdedah kepada HIV, walaupun pendedahan itu berlaku bertahun lalu, dinasihatkan menjalani ujian antibodi HIV dan mendapatkan kaunseling. Di Malaysia, kadar jangkitan HIV daripada ibu kepada anak telah menunjukkan penurunan berikutan pelaksanaan saringan HIV ke atas wanita hamil serta pemberian ubat antiretroviral kepada yang dijangkiti. Mereka juga disarankan untuk tidak menyusukan anak bagi mengelakkan penularan melalui susu ibu (JAKIM, 2009).

Oleh itu, berdasarkan kajian terdahulu, kita dapat mengetahui bahawa penyebaran penyakit HIV/AIDS boleh berlaku melalui seks bebas, hubungan seks sesama jenis antara lelaki, pemindahan darah yang terjangkiti, serta melalui air liur. Menurut perspektif syariah, perbuatan tersebut dianggap bertentangan dengan prinsip Islam. Hal ini kerana ia bukan sahaja membinasakan diri sendiri, malah juga dipandang serong oleh masyarakat.

ii. Pemberian Ubat PrEP

Rentetan daripada peningkatan kes HIV di Malaysia, KKM telah mengambil langkah pragmatik untuk memperkasakan tahap kesihatan rakyat dengan menyediakan ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi mendapat jangkitan HIV. Menurut Laporan KKM (2021), antara strategi inovatif bagi mengurangkan jangkitan HIV baharu ialah dengan memperluaskan perkhidmatan saringan HIV, seperti saringan komuniti dan kit ujian sendiri HIV (*HIV self-test kit*). Selain itu, bagi membendung penularan HIV, KKM turut mempromosikan penggunaan ubat PrEP dalam kalangan golongan berisiko tinggi.

Pada 12 Disember 2022, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa, telah mengumumkan bahawa KKM akan melaksanakan projek rintis bagi memulakan program pemberian ubat anti-HIV, iaitu *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP), secara percuma kepada individu yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi. Program ini menyasarkan golongan seperti lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT) dan lelaki

yang melakukan hubungan sejenis (MSM), dan akan dilaksanakan di premis-premis kesihatan terpilih.

Menurut Laporan KKM (2023), sebanyak 75% daripada jangkitan HIV baharu pada tahun 2023 dilaporkan dalam kalangan individu berumur antara 20 hingga 39 tahun, dengan 90% daripadanya melibatkan lelaki, dan 96% dijangkiti melalui hubungan seksual. Bagi menangani isu ini, KKM telah melaksanakan beberapa strategi, antaranya termasuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan seksual bagi golongan muda yang berisiko. Pada tahun 2023, KKM telah melancarkan edisi pertama *Panduan Ujian HIV Kendiri* serta laman web TestNow, yang menyediakan maklumat berkaitan HIV, penilaian risiko, dan akses kepada kit ujian kendiri. Selain itu, projek rintis PrEPGov turut dilaksanakan di 21 klinik kesihatan (KK) bagi menilai kebolehlaksanaan serta impak kesihatan awam dalam penyediaan ubat *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP) kepada individu berisiko tinggi. Program ini dijadualkan untuk diperluaskan ke 31 klinik kesihatan pada tahun 2024.

Pemberian ubat PrEP telah mula dilaksanakan sejak tahun 2017 (WHO, 2018). Namun pada peringkat awal, kumpulan sasar utama terdiri daripada pasangan yang hidup bersama individu yang menghidap HIV (PLHIV), khususnya pasangan suami atau isteri yang berstatus HIV negatif. Tujuan utama pemberian ubat ini adalah untuk mencegah penularan HIV melalui hubungan seksual dalam kalangan pasangan tersebut. Dalam masa yang sama, individu yang telah disahkan positif HIV turut menerima rawatan menggunakan ubat antiretroviral (ART) sebagai sebahagian daripada kaedah rawatan yang dikenali sebagai HAART (*Highly Active Antiretroviral Therapy*) (Kwee Choy Koh, 2017).

Ubat PrEP merupakan sejenis ubat antiretroviral (ART) yang diberikan kepada individu yang belum dijangkiti HIV sebagai langkah pencegahan. Berdasarkan kajian sejak tahun 2016, pemberian PrEP terbukti berkesan dalam mencegah jangkitan HIV dalam kalangan individu berisiko tinggi, seperti mereka yang hidup bersama pasangan yang telah dijangkiti HIV serta penagih dadah yang menggunakan jarum suntikan. Di Malaysia, pemberian PrEP juga diamalkan dalam kalangan pasangan sah yang berstatus serodiskordan (pasangan di mana seorang positif HIV dan seorang lagi negatif) bagi mencegah penularan jangkitan kepada pasangan yang sihat, sekali gus mengurangkan risiko jangkitan kepada anak-anak yang bakal dilahirkan (Laporan Perubatan, 2023).

Namun begitu, timbul isu apabila program pemberian ubat anti-HIV, iaitu *Pre-Exposure Prophylaxis* (PrEP), diberikan secara percuma kepada individu yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi. Program ini menyasarkan golongan seperti lesbian, gay, biseksual, transgender (LGBT), serta lelaki yang melakukan hubungan sejenis (MSM), dan dilaksanakan di premis-premis kesihatan terpilih. Justeru, wujud persoalan sama ada golongan ini sepatutnya menerima ubat PrEP bagi mengelakkan jangkitan HIV. Dalam konteks ini, perlu diteliti secara lebih mendalam berkaitan dasar pemberian PrEP kepada individu yang terlibat dalam perlakuan yang bercanggah dengan prinsip syariah Islam.

Artikel ini bertujuan untuk menjawab beberapa persoalan utama, antaranya bagaimana pendekatan Fiqh al-Aulawiyat dapat digunakan dalam mengutamakan penggunaan ubat PrEP dalam kalangan golongan berisiko tinggi jangkitan HIV, serta menjelaskan pandangan Islam terhadap penggunaan ubat tersebut berdasarkan prinsip Fiqh al-Aulawiyat. Penulisan ini akan memfokuskan kepada dua perkara utama:

1. Mengenal pasti kaedah Fiqh al-Aulawiyat dalam konteks penggunaan ubat PrEP kepada homoseksual; dan
2. Menjelaskan kedudukan penggunaan ubat PrEP menurut perspektif Islam melalui pendekatan Fiqh Al-Aulawiyat.

Amalan Pencegahan dari Sudut Hukum Fiqh

Dalam sejarah Islam, terdapat lima kejadian wabak *ta'un* yang paling terkenal dan telah meragut banyak nyawa. Justeru, Islam menitikberatkan usaha pencegahan penyakit dan langkah keselamatan dalam kalangan umatnya. Antara dalil yang menjelaskan hal ini ialah sabda Rasulullah SAW:

إِذَا سَمِعْتُمْ بِالطَّاعُونَ بِأَرْضٍ فَلَا تَدْخُلُوهَا، وَإِذَا وَقَعَ بِأَرْضٍ وَأَنْتُمْ بِهَا فَلَا تَخْرُجُوا مِنْهَا

Maksudnya : Apabila kamu mendengar bahawa taun menimpa sesuatu tempat maka janganlah kamu masuk ke dalam kawasan tersebut. Dan apabila kamu berada di dalam kawasan yang terdapat padanya taun, janganlah kamu keluar daripadanya. Riwayat Al-Bukhari (5728)

Oleh itu, berpandukan kepada hadis tersebut, umat Islam wajib berusaha mencegah daripada dijangkiti penyakit sebagai salah satu inisiatif untuk menjaga kesihatan diri (Abdul Haji Awang, 2020). Justeru, mengamalkan gaya hidup sihat merupakan aspek penting bagi setiap individu. Ini kerana pelbagai faedah boleh diperolehi daripadanya, antaranya termasuk tubuh badan yang sihat dan minda yang cerdas. Namun begitu, terdapat segelintir individu yang terlibat dalam aktiviti hubungan sejenis (homoseksual), yang boleh meningkatkan risiko jangkitan virus HIV. Keadaan ini berlaku kerana mereka mudah terpengaruh dengan keseronokan duniawi yang bersifat sementara sehingga mengabaikan risiko terhadap kesihatan diri.

Konsep Fiqh Al-Aulawiyat

Islam merupakan agama yang syumul, merangkumi semua aspek kehidupan termasuk akidah, ibadah, akhlak, kemasyarakatan dan kenegaraan. Pensyariatian hukum dalam al-Quran dan al-Sunnah terbahagi kepada dua: *al-thawabit* (tetap) yang merujuk kepada rukun dan prinsip agama yang kekal, serta *al-mutaghayyirat* (berubah) yang melibatkan hukum cabang yang boleh disesuaikan mengikut realiti semasa, budaya, adat dan keperluan masyarakat (Saadan Man, 2022).

Fiqh al-Aulawiyat (فقه الأولويات) dalam karya Dr. Yusuf al-Qaradawi merujuk kepada prinsip “memahami keutamaan” dalam Islam. Prinsip ini menekankan penetapan keutamaan dalam amalan, hukum dan dasar pentadbiran berdasarkan

neraca syariah, bagi memastikan keseimbangan antara tuntutan agama dan realiti kehidupan.

Meskipun konsep ini telah lama wujud dalam Islam, Dr. Yusuf al-Qaradawi telah memperkenalkannya semula secara sistematik melalui karyanya *Fi Fiqh al-Awlawiyyat: Dirasah Jadīdah fi Daw' al-Qur'an wa al-Sunnah*. Dalam kajiannya, beliau mengemukakan pelbagai contoh serta membahagikan konsep *awlawiyyat* kepada beberapa bidang utama seperti *fardu kifayah* dalam bidang ilmu, *hisbah*, *tasyri'* (perundangan), dakwah dan *tarbiah* (Zulkifli Hasan, 2012).

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang digunakan dalam penulisan ini adalah kaedah keperpustakaan, iaitu dengan merujuk kepada pelbagai sumber untuk memperoleh maklumat dan data yang diperlukan. Kaedah reka bentuk ini diaplikasikan bagi membolehkan pemahaman yang mendalam terhadap fenomena kehidupan sebenar, khususnya dalam konteks yang berkait rapat dengan isu kajian.

Seterusnya, bahan-bahan yang diperoleh akan dianalisis dan elemen-elemen yang berkaitan akan dikenal pasti untuk dijadikan sebagai sorotan kajian. Analisis ini tertumpu kepada pengaplikasian Kaedah Fiqh al-Awlawiyyat dalam isu pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual serta penentuan kedudukan penggunaan ubat PrEP menurut perspektif Islam melalui pendekatan Fiqh al-Awlawiyyat.

DAPATAN KAJIAN

Aplikasi Kaedah Fiqh al-Awlawiyyat: Dalam Isu Berkaitan Pemberian Ubat PrEP kepada Homoseksual

Hasil kajian Laporan Perubatan (2023), disebabkan kes jangkitan HIV yang semakin meningkat di Malaysia, KKM telah mengambil beberapa inisiatif untuk mengurangkan penularan virus tersebut dengan menyediakan ubat PrEP secara percuma kepada individu yang terlibat dalam aktiviti berisiko tinggi. Program ini menasarkan golongan seperti gay, biseksual, transgender, serta lelaki yang melakukan hubungan sejenis (MSM), dan dilaksanakan di premis-premis kesihatan terpilih.

Oleh sebab pemberian ubat PrEP melibatkan semua golongan termasuk golongan homoseksual, maka timbul persoalan sama ada pemberian ubat tersebut kepada golongan ini dibenarkan menurut pandangan Islam atau tidak. Hal ini menimbulkan kebimbangan bahawa pemberian PrEP mungkin mendorong mereka untuk terus aktif melakukan maksiat, sekali gus bercanggah dengan ajaran Islam.

Pada asalnya, hukum pemberian ubat PrEP kepada pasangan suami isteri yang sah bagi mengelakkan penularan HIV kepada pasangan yang belum dijangkiti adalah harus. Oleh itu, aplikasi Fiqh al-Awlawiyyat seharusnya mengutamakan pemberian ubat PrEP kepada pasangan suami isteri yang sah terlebih dahulu. Hal ini demikian kerana ia bertujuan untuk menjaga masalah institusi kekeluargaan.

Dalam konteks ini, dilakukan bertujuan untuk menjaga kemaslahatan awam dan mengurangkan kadar kebolehjangkitan antara satu dengan yang lain. Perkara ini juga diputuskan dengan melihat kepada qawaid fiqhiyyah antaranya:

الضَّرُّ لَا يُزَالُ بِالضَّرِّ

Maksudnya: “Kemudaratan itu tidak bisa dihilangkan dengan kemudharatan yang lain”

Merujuk kepada qaidah fiqhiyyah di atas, sesuatu kemudaratan tidak boleh dihilangkan dengan mencetuskan kemudaratan yang lain. Sebagai contoh, dalam situasi darurat seperti kelaparan, seseorang tidak dibenarkan mengambil atau menghabiskan makanan milik individu lain yang juga berada dalam keadaan darurat. Tindakan tersebut hanya akan memindahkan mudarat daripada satu pihak kepada pihak yang lain, dan ini bertentangan dengan prinsip syarak. Hakim, A. (n.d.).

Manakala dalam isu pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual, berdasarkan sumber kajian daripada Jabatan Muzakarah Majlis Kebangsaan Malaysia (2023), jika pemberian ubat tersebut bertujuan untuk mendorong atau membolehkan perlakuan maksiat, maka ia adalah dilarang dan diharamkan. Hal ini kerana dibimbangi ia akan menggalakkan peningkatan perlakuan homoseksual dalam kalangan masyarakat. Justeru, usaha untuk mencegah mudarat fizikal seperti jangkitan HIV tidak boleh dilakukan dengan membiarkan atau menyokong kemudaratan moral dan syarie yang lebih besar, iaitu perlakuan homoseksual itu sendiri.

Fiqh al-Aulawiyat atau fiqh keutamaan merupakan pendekatan dalam syariah yang menimbang antara manfaat (*maslahah*) dan kemudaratan (*mafsadah*) berdasarkan situasi semasa. Dalam konteks penggunaan ubat PrEP kepada golongan homoseksual, pendekatan ini dapat diaplikasikan dengan mempertimbangkan beberapa perkara:

Ini dilakukan bagi mengelakkan kemudharatan yang lebih besar seperti yang disebutkan dalam sebuah kaedah fiqh yang masyhur :

إِذَا تَعَارَضَ مُسْتَدَانٌ رُوِيَ أَكْبَرُهُمَا ضَرًّا بِأَكْبَرِ أَحْفَهُمَا

Maksudnya : Apabila bertembungnya dua mafsadah, maka dipelihara (ditolak) mudarat yang paling besar dengan melakukan mudarat yang lebih ringan.

Syeikh Mustafa Al-Zarqa dalam kitabnya *Syarah al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* menjelaskan bahawa yang dimaksudkan dengan meraikan kemudaratan yang lebih besar antara dua kemudaratan ialah dengan menolaknya atau meninggalkannya. Ini kerana mafsadah diraikan dengan cara menafikannya, sebagaimana masalah diraikan dengan cara menetapkannya atau melaksanakannya.

Sebagai contoh, mendirikan solat tetap lebih utama dilakukan walaupun seseorang tidak mampu memenuhi salah satu syarat sah, seperti tidak dapat menutup aurat sepenuhnya. Dalam keadaan darurat atau kekangan tertentu, solat tetap wajib ditunaikan kerana ia merupakan perintah Allah kepada hamba-Nya yang tidak gugur dalam apa jua keadaan. Hakim, A. (n.d.).

Oleh itu, berpandukan kepada kaedah fiqh di atas, adalah lebih baik untuk tidak memberikan ubat PrEP kepada golongan homoseksual bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar. Hal ini kerana terdapat kebimbangan bahawa ia boleh menggalakkan pertambahan golongan homoseksual di Malaysia.

Selain itu, kaedah memilih mudarat yang lebih ringan (*irtikab akhaff al-dararayn* – ارتكاب أخف الضررين) juga boleh digunakan. Memberikan PrEP kepada golongan berisiko dilihat sebagai usaha untuk mengurangkan penyebaran jangkitan, sekali gus melindungi pasangan yang tidak bersalah atau mencegah rantaian penularan yang lebih luas. Namun, dalam konteks pemberian PrEP kepada golongan homoseksual, tindakan tersebut wajar ditolak. Ini kerana memilih mudarat yang lebih ringan dengan tidak memberikan ubat kepada mereka adalah lebih baik, bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar pada masa akan datang.

Kedudukan Penggunaan Ubat PrEP Menurut Perspektif Islam Melalui Pendekatan Fiqh Keutamaan

Pada masa kini, isu sosial terus menjadi topik perbincangan yang hangat memandangkan ia telah mencapai tahap yang membimbangkan. Antara isu utama yang mendapat perhatian ialah peningkatan kes yang melibatkan komuniti homoseksual. Keadaan ini amat meresahkan kerana kadar jangkitan HIV menunjukkan trend peningkatan dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, KKM telah mengambil inisiatif dengan menyediakan ubat PrEP kepada golongan yang berisiko tinggi dijangkiti HIV sebagai langkah pencegahan. Namun begitu, timbul persoalan penting: siapakah yang layak menerima ubat PrEP menurut pandangan Islam?

Daripada perspektif hukum Islam, penetapan hukum asal bagi sesuatu perkara bergantung kepada niat serta kesan pelaksanaannya. Penggunaan ubat PrEP dalam kalangan golongan homoseksual menimbulkan perbincangan kerana ia melibatkan individu yang terlibat dalam perbuatan yang bercanggah dengan syarak. Walau bagaimanapun, pendekatan Fiqh al-Aulawiyat membuka ruang untuk penilaian berdasarkan keutamaan maslahat yang lebih besar. Justeru, kedudukan penggunaan PrEP dalam konteks ini boleh dihuraikan seperti berikut:

Hukum penggunaan PrEP kepada pasangan suami isteri yang sah, di mana salah seorang daripadanya positif HIV, adalah harus, bahkan digalakkan, kerana mencegah jangkitan merupakan suatu tuntutan dalam Islam. Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis (2022) dan Negeri Selangor (2023) telah mengeluarkan kenyataan bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi dijangkiti HIV adalah diharuskan, termasuk kepada pasangan suami isteri. Langkah ini bertujuan untuk mencegah penularan penyakit berbahaya seperti HIV/AIDS. Pemberian ubat PrEP dilihat sebagai satu usaha pencegahan bagi mengelakkan kemudaratan yang lebih besar terhadap masyarakat. Oleh itu, hukumnya boleh dianggap harus berdasarkan prinsip darurat dan pertimbangan terhadap maslahat umum.

Namun demikian, menurut Jabatan Mufti Selangor (2023), pemberian ubat PrEP kepada golongan homoseksual adalah dilarang kerana dianggap sebagai satu

bentuk bersebab dengan perbuatan yang tidak bermoral. Perbuatan homoseksual jelas ditegah dalam Islam kerana ia merupakan satu dosa besar dan bertentangan dengan prinsip serta ajaran agama.

Oleh itu, ulama kontemporari menegaskan bahawa dalam isu kesihatan awam, langkah pencegahan adalah dibolehkan selagi tidak bercanggah secara langsung dengan hukum syarak, terutamanya jika ia tidak membawa kepada normalisasi atau pengiktirafan terhadap perbuatan dosa. Namun, realiti pada masa kini menunjukkan bahawa ramai dalam kalangan golongan homoseksual dijangkiti HIV, dan perbuatan homoseksual itu sendiri adalah jelas bertentangan dengan syariat Islam.

PERBINCANGAN

Menangani Kekeliruan Masyarakat

Tidak dapat dinafikan bahawa perkhidmatan KKM dalam aspek penjagaan perubatan dan kesihatan adalah amat profesional dan berteknologi maju. Pemberian ubat PrEP kepada golongan berisiko tinggi dijangkiti HIV merupakan salah satu usaha yang relevan dan proaktif dalam mencegah penularan HIV di Malaysia. Namun begitu, trend kes jangkitan baharu HIV kini menunjukkan peralihan daripada kumpulan pengguna dadah suntikan (PWID) kepada penularan melalui hubungan seksual, khususnya dalam kalangan lelaki yang melakukan hubungan sejenis (MSM) di Malaysia.

Oleh itu, timbul kekeliruan dalam kalangan masyarakat mengenai golongan manakah yang layak menerima pemberian ubat PrEP. Selain itu, terdapat kebimbangan sekiranya ubat PrEP diberikan secara berleluasa dan percuma tanpa syarat kepada golongan homoseksual, ia boleh dianggap sebagai satu bentuk galakan terhadap perbuatan maksiat tersebut. Hal ini dibimbangi akan mendorong kepada penggalakan dan normalisasi perbuatan homoseksual di Malaysia. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa perbuatan homoseksual adalah jelas haram dalam Islam kerana ia bertentangan dengan ajaran dan prinsip syariat.

Justeru, perlu ditegaskan bahawa niat dan pelaksanaan dasar kesihatan awam bukanlah bertujuan meredai perbuatan dosa, sebaliknya untuk membendung penularan wabak. Justeru, adalah disarankan agar program ini disertakan dengan pendekatan dakwah dan kaunseling, bukan sekadar rawatan perubatan semata-mata. Pendekatan ini penting khususnya bagi golongan homoseksual, agar mereka bukan sahaja dilindungi daripada jangkitan HIV, tetapi juga dibimbing ke arah perubahan akhlak dan kehidupan yang lebih sejahtera menurut ajaran Islam.

Cadangan dan Penambahbaikan dari Perspektif Islam

Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa pemberian ubat PrEP kepada golongan LGBT bertujuan untuk mencegah jangkitan HIV. Namun begitu, pihak kerajaan juga perlu mengambil inisiatif dari sudut lain dalam menangani masalah sosial ini. Pelaksanaan program pencegahan HIV melalui ubat PrEP sememangnya merupakan satu inisiatif kesihatan yang penting. Walau bagaimanapun, daripada

perspektif Islam, pelaksanaannya perlu disokong dengan pendekatan yang selaras dengan prinsip syariah. Antara cadangan dan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan termasuklah penyediaan garis panduan berteraskan syariah, pelaksanaan program pemulihan akhlak dan kaunseling agama, serta penglibatan aktif institusi fatwa dan ilmuwan Islam.

Dalam usaha mencegah jangkitan HIV dalam kalangan golongan berisiko tinggi, perlu ada garis panduan khusus yang berpaksikan syariah dalam pelaksanaan program PrEP, terutamanya apabila melibatkan individu yang terlibat dalam perbuatan yang bercanggah dengan ajaran Islam. Garis panduan ini bertujuan untuk memastikan bahawa usaha pencegahan tidak disalah tafsir sebagai bentuk sokongan atau pengiktirafan terhadap perbuatan maksiat. Ia juga boleh menetapkan kriteria penerima, syarat-syarat tertentu, serta keperluan pemantauan secara berkala. Hal ini penting bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat mengenai tujuan sebenar penggunaan ubat PrEP.

Selain daripada menetapkan garis panduan khusus yang berpaksikan syariah, kerajaan juga perlu mengambil langkah dalam aspek pemulihan akhlak dan kaunseling agama. Program PrEP perlu disertakan dengan komponen pemulihan akhlak seperti kaunseling agama, bimbingan spiritual, dan modul kembali kepada fitrah. Oleh sebab itu, kaunselor Islam dan pegawai agama boleh memainkan peranan penting dalam memberikan kesedaran rohani dan moral kepada golongan berisiko. Pendekatan ini menunjukkan bahawa Islam bukan sekadar menghukum, tetapi turut membimbing ke arah perubahan yang lebih baik.

Memandangkan Islam merupakan agama majoriti di Malaysia, kerajaan perlu memanfaatkan peranan institusi fatwa dan ilmuwan Islam dalam menangani isu ini. Oleh itu, institusi fatwa dan para ilmuwan Islam wajar terlibat secara aktif dalam memberikan pencerahan kepada masyarakat agar tidak terlibat dengan aktiviti yang bercanggah dengan fitrah kejadian manusia. Penyampaian dakwah kepada golongan LGBT perlu dilakukan melalui pendekatan konsep *amar makruf nahi mungkar*. Dengan penerangan yang jelas dan berhikmah, masyarakat akan lebih memahami perbezaan antara usaha mencegah kemudaratan dan pengiktirafan terhadap perbuatan dosa.

KESIMPULAN

Di akhir kajian, dapat disimpulkan bahawa pihak kerajaan perlu menangani isu LGBT dengan lebih serius melalui tindakan yang tegas dan bersesuaian. Hal ini kerana amalan tersebut bertentangan dengan fitrah kejadian manusia serta ajaran agama. Tanpa pemantauan yang berkesan, penggunaan ubat PrEP secara terbuka kepada semua pihak mungkin menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap pendirian agama terhadap perlakuan tertentu.

Isu ini perlu dibendung daripada terus berleluasa kerana ia merupakan salah satu gejala sosial yang serius. Sekiranya dibiarkan, ia berpotensi besar membawa kepada keruntuhan nilai moral dan menggugat kestabilan masyarakat secara keseluruhan.

Oleh itu, mengamalkan gaya hidup sihat merupakan aspek penting bagi setiap individu. Ini kerana pelbagai faedah boleh diperolehi daripadanya, antaranya termasuk tubuh badan yang sihat dan minda yang cerdas. Namun begitu, terdapat segelintir individu yang terlibat dalam aktiviti hubungan sejenis (homoseksual), yang boleh meningkatkan risiko jangkitan virus HIV. Keadaan ini berlaku kerana mereka mudah terpengaruh dengan keseronokan duniawi yang bersifat sementara sehingga mengabaikan risiko kesihatan yang dihadapi.

Penghargaan

Penulis telah menerima pembiayaan daripada Universiti Sains Islam Malaysia melalui Geran Penyelidikan Racer.

RUJUKAN

- Abdul Awang. (2020, March 15). Berita Harian Online. Retrieved from Wajib cegah, rawat COVID-19 - Hadi: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/665485/wajib-cegah-rawatCovid-19-hadi>
- Al-Zarqa, M. A. (2001). *Syarh al-Qawā'id al-Fiqhiyyah* (ed. Nadzhir Muhammad al-Nadzhir). Dār al-Qalam.
- Berliana Irianti & Cecen Suvi Hakameri. 2020. Bahan Ajar HIV/AIDS Dalam Kebidanan. Retrieved from <https://repo.htp.ac.id/id/eprint/327/13/ST%20DAN%20BUKU%20AJAR%20HIV%20AIDS.pdf>
- Hakim, A. H. (n.d.). *Terjemah kitab Kaidah Fiqh dan Ushul Fikih Mabadi' Awaliyah (Mabadi' Awwaliyyah)* (H. Sukanan & U. Khairudin, Penerj.). (Karya asal diterbitkan sebagai *Mabadi' Awaliyah fi Ushul al-Fiqh wa al-Qarwa'id al-Fiqhiyyah*)
- Ismail, P. H. (1997). *Fiqh al-awlawiyyat: konsep dan hubungannya dengan fiqh al-muwazanat, fiqh al-Syar'dan fiqh al-waqi dalam pelaksanaan hukum Islam*. <https://eprints.um.edu.my/13720/1/All.pdf>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2009). *Manual on HIV/AIDS in Islam*. JAKIM. https://www.islam.gov.my/images/ePenerbitan/Manual_Islam_HIVAIDS.pdf
- Jabatan Mufti Negeri Perlis. (2022, Mei 31). Hukum pemberian ubat Pre-Exposure Prophylaxis (PrEP) kepada golongan yang berisiko. <https://muftiperlis.gov.my/index.php/en/himpunan-fatwa-negeri/835-hukum-pemberian-ubat-pre-exposure-prophylaxis-prep-kepada-golongan-yang-berisiko>
- Jabatan Mufti Negeri Selangor. (2023). Apakah hukum seorang pengamal perubatan memberikan ubat pencegahan jangkitan HIV (pre-exposure prophylaxis/PREP) kepada individu yang mengamalkan homoseksual dalam keadaan pengamal perubatan menyedari bahawa kajian menunjukkan tingkah laku homoseksual tetap tinggi malah makin meningkat dengan penggunaan PREP? <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=3573>

- Jabatan Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI).
<https://www.islam.gov.my/images/e>
- Kenyataan Media oleh Yb Menteri Kesihatan Malaysia, Dr Zaliha Mustafa. Astro Awani. 12 Dis 2023. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-akan-lakukan-projek-rintis-penggunaan-ubatprep-dr-zaliha-396478>.
- Koh, Kwee. (2017). Malaysian Consensus Guidelines on Antiretroviral Therapy 2017
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA.
https://www.researchgate.net/publication/319101215_Malaysian_Consensus_Guidelines_on_Antiretroviral_Therapy_2017_MINISTRY_OF_HEALTH_MALAYSIA
- Man, S. (2022). Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya. *Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, accessed May, 31*.
- Mazuki, S. A., Mustafa, M. F., Ismail, S. K., & Reshad, H. F. M. (2022). Aplikasi Fiqh al-Awlawiyyat dalam Menangani Isu Covid-19: Analisis Terhadap Isu yang Terpilih [Application of Fiqh al-Awlawiyyat in Dealing with Covid-19 Issues: Analysis of Selected Issues]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 32-39. <https://www.proquest.com/docview/2823076918?fromopenview=true&pq-origsite=gscholar&sourcetype=Scholarly%20Journals>
- Mufti Wilayah Persekutuan. 2020. Bagaimana Mendepani Wabak Dan Penyakit Menurut Perspektif Usul Al-Fiqh. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-usul-fiqh/4138-irsyad-usul-al-fiqh-siri-ke-45-bagaimana-mendepani-wabak-dan-penyakit-menurut-perspektif-usul-al-fiqh>
- Saadan Man. (2018). *Fiqh Semasa: Konsep dan Aplikasinya*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Treisman, K., Jones, F. W., & Shaw, E. (2014). The experience and coping strategies of United Kingdom-Based African women following an HIV diagnosis during pregnancy. *Journal of the Association of Nurses in AIDS Care*, 25(2), 145-157.
- WHO. (2013). Fact Sheet on HIV. Geneva: World Health Organization.
- World Health Organization. Regional Office for the Western Pacific. (2018). Second National Consultation on the Use of Antiretroviral Pre-exposure Prophylaxis (PrEP) to Prevent HIV Acquisition, 4 June 2018, Kuala Lumpur, Malaysia: meeting report. WHO Regional Office for the Western Pacific. <https://apps.who.int/iris/handle/10665/325936>
- Zulkifli Hasan. 2012. Yusuf Al Qaradhawi 'Mujaddid' Kontemporari Dan Sumbangan Pemikirannya. Kertas Kerja Muktamar Sanawi ABIM ke-41, 2012M/1433H. Auditorium Abu Zarim, ILSAS, UNITEN. 29. <https://journalarticle.ukm.my/11207/1/260-1089-2-PB.pdf>